

## INSTITUSI PONDOK SEBAGAI PILIHAN TEMPAT TINGGAL WARGA EMAS WANITA KE ARAH KESEJAHTERAAN HIDUP: KAJIAN KES DI TERENGGANU

(*Pondok Institutions as a Living Arrangement Choice for Elderly Women Towards a Well-Being Life: A Case Study in Terengganu*)

Ahmad Faizal Yusoff, Nik Norliati Fitri Md Nor\*, Norizan Musa & Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid

### ABSTRAK

Institusi pondok telah menjadi salah satu pilihan tempat tinggal bagi warga emas beragama Islam untuk tujuan kerohanian. Umur yang panjang dan sihat pada usia 60 tahun dan ke atas adalah masa yang sesuai untuk mendalami ilmu agama dan aktiviti kerohanian sebagai bekalan di akhirat. Kajian ini bertujuan meneroka secara mendalam faktor pendorong warga emas memilih pondok sebagai tempat tinggal dan hubungannya dengan kesejahteraan hidup mereka. Seramai dua puluh (20) orang warga emas dalam kumpulan umur 59 hingga 80 tahun dan beragama Islam di Pondok Al-Huda, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu dipilih sebagai responden dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam. Maklumat daripada warga emas dikaji dan dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil kajian menemui faktor utama warga emas memilih tinggal di pondok adalah untuk mencari ketenangan dan menambah ilmu agama. Kebanyakan warga emas wanita cenderung memilih tinggal di pondok kerana kesunyian hidup selepas kematian suami. Dari aspek kesejahteraan, keseluruhan warga emas seronok dan mencapai kesejahteraan jiwa menerusi pelbagai pengisian rohani dan fizikal yang disertai di pondok seperti aktiviti harian yang bermanfaat, peluang berkawan, dan jaminan keselamatan. Kajian ini menonjolkan sumbangsih penting Institusi Pondok al-Huda, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu sebagai institusi sokongan sosial yang amat diperlukan oleh warga emas untuk menjalani kehidupan pada usia tua yang sejahtera dan selamat.

**Kata kunci:** pondok agama, warga emas wanita, kesejahteraan hidup, Terengganu

### PENGENALAN

Warga emas merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas di negara membangun seperti Malaysia, manakala 65 tahun dan ke atas bagi negara maju (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2022). Negara maju seperti German mendefinisikan warga emas kepada tiga peringkat umur iaitu kumpulan tua muda (65-74 tahun), tua-tua (75-84 tahun) dan paling tua (85 dan ke atas) (Volkert et al., 2004). Penuaan menjadi isu terpenting yang dialami di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Pada tahun 2020, sebanyak 3.4 juta (10.4 peratus) daripada keseluruhan penduduk (32. 62 juta) adalah terdiri daripada kumpulan umur 60 tahun dan ke atas (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Peningkatan jangka hayat penduduk memerlukan perancangan yang serius dari aspek penjagaan, perkhidmatan, infrastruktur dan kesejahteraan hidup warga emas. Persoalan mengenai pemilihan tempat tinggal warga emas menjadi isu penting bagi menilai faktor pendorong dan kesan terhadap kesejahteraan hidup mereka. Terdapat kekurangan kajian gerontologi dan geografi penduduk di Malaysia dalam melihat tempat tinggal yang sejahtera dalam konteks warga emas wanita yang beragama Islam. Golongan warga emas wanita menghadapi pelbagai masalah dalam menguruskan kehidupan seorang diri di rumah setelah kematian pasangan dan anak-anak bekerja. Di Malaysia, institusi pondok banyak terdapat di negeri-negeri Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia. Sejak abad ke-16, institusi pondok telah menjadi satu tradisi ilmu yang tersohor bagi masyarakat Melayu beragama Islam di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, pondok berfungsi sebagai tempat tumpuan utama warga emas untuk pelbagai pengisian rohani pada usia tua. Persoalannya apakah faktor pendorong yang menyebabkan warga emas memilih pondok sebagai tempat tinggal mereka dan apakah kesannya terhadap kesejahteraan hidup mereka? Tujuan artikel ini adalah untuk memahami keputusan yang dibuat oleh warga emas wanita untuk berpindah dan menetap di Pondok Al-Huda, Wakaf Tapai, Terengganu. Kajian ini meneroka keberkesanan pondok dalam kesejahteraan hidup warga emas wanita beragama Islam.

## KAJIAN LITERATUR

Sejak tahun 1960-an, peningkatan warga emas terus berlaku kesan daripada penurunan kadar kematian, peningkatan kadar kesuburan, penurunan penyakit berjangkit dan penyediaan kemudahan kesihatan yang semakin baik (Marlini, 2020). Menurut Nik Norliati (2018), data-data statistik sedia ada daripada United Nations, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Jabatan Perangkaan Malaysia telah membuktikan peningkatan warga emas telah berlaku di seluruh dunia. Di negara maju, proses penuaan berlaku dengan lebih cepat berbanding negara-negara membangun. Namun begitu, peningkatan penduduk menua telah wujud di negara Asia termasuklah Malaysia. Pada tahun 1970, jumlah penduduk Malaysia ialah 10,439,430 orang kemudian melonjak kepada 23,274,690 juta pada tahun 2000 yang mana bahagian yang lebih besar adalah terdiri daripada golongan muda (World Population, 1974; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000). Pada tahun 2000, kira-kira 33.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia berumur bawah 15 tahun dan hanya 3.8 peratus berumur 65 tahun ke atas (Usman Yaakob, 2006). Berdasarkan jangkaan yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sebanyak 15 peratus penduduk adalah terdiri daripada populasi menua yang berumur 60 tahun dan ke atas menjelang tahun 2030 (Marlini, 2020).

Peningkatan jangka hayat penduduk menimbulkan pelbagai cabaran khususnya penjagaan dan pengaturan kehidupan warga emas, menyebabkan peningkatan permintaan terhadap pusat penjagaan warga emas sepenuh masa dan separuh masa, di samping peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan rawatan kesihatan dan infrastruktur (Suridah & Rahimah, 2018). Pemilihan tempat tinggal merupakan aspek terpenting yang perlu diambil kira pada usia yang tua. Velkoff (2001) dalam kajiannya di Amerika Syarikat menemui bahawa faktor yang mempengaruhi pemilihan tempat tinggal untuk masa depan warga emas adalah status perkahwinan, kewangan, kesihatan, saiz dan struktur keluarga, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Menurut Nor Raudah (2015), beberapa perkara perlu diambil kira sebelum warga emas membuat keputusan untuk meninggalkan kediaman mereka iaitu dari segi persetujuan dan penerimaan anak-anak terhadap keputusan warga emas, emosi semasa tinggal di pusat jagaan, persepsi terhadap pengajian keagamaan, kemudahan, hubungan dengan rakan sebaya, hubungan keluarga dan perasaan meninggalkan keluarga. Penekanan aspek psikologi warga emas dan keluarga yang ditinggalkan bagi tujuan perjalanan dan penginapan di sesuatu lokasi yang baharu amat mustahak bagi memberi keselesaan emosi sepanjang tempoh meninggalkan kediaman asal mereka (Norizan Musa & Suriati Ghazali, 2019).

Dalam budaya Jepun, mempunyai rasa kehidupan yang bernilai (*ikigai*) merupakan petunjuk kesejahteraan yang subjektif seperti gembira (Mori et al., 2017). Menurut Noornajihan et al. (2021), konsep ‘*ikigai*’ bermaksud menjalani kehidupan harian dengan matlamat dan impian. *Ikigai* amat berkait rapat dengan aktiviti masa lapang dan hobi yang memberi kepuasan kepada diri sendiri. Secara umumnya, aspek budaya dan kepercayaan mempengaruhi norma pegangan hidup terhadap pemilihan tempat, penjagaan dan sokongan kepada warga emas Melayu beragama Islam (Norizan & Suriati, 2021). Masyarakat Melayu di Malaysia berpegang kepada adat dan budaya yang mana anak perlu bertanggungjawab mengurus dan menjaga ibu bapa pada usia tua (Khadijah & Rahim, 2010). Perasaan kesunyian merupakan sindrom dan masalah serius yang dialami oleh warga emas apabila anak-anak telah dewasa dan keluar bekerja. Nik Norliati & Suriati (2016) menemui sindrom kesunyian dialami oleh warga emas di luar bandar disebabkan faktor tinggal bersendirian selepas kematian pasangan dan setelah anak-anak keluar dari rumah untuk meneruskan kelangsungan hidup. Kematian suami atau isteri, tidak mempunyai anak, dan penghijrahan anak ke kawasan lain kerana perkahwinan, pekerjaan atau belajar menyebabkan warga emas berasa sedih lantaran mengalami sindrom kesunyian dan kemurungan. Menurut Sakanashi & Fujita (2017) warga emas perlu mempunyai kawalan positif terhadap minda dan diri sendiri dengan memupuk sikap positif, proaktif untuk memahami peranan seseorang penjaga. Keadaan ini mustahak untuk mewujudkan hubungan yang membina dengan orang lain dan orang di sekeliling mereka. Nik Norliati (2016) menegaskan bahawa pengaturan kehidupan dari aspek penjaga warga emas menjadi satu komponen penting dalam kesejahteraan hidup warga emas dan dalam konteks ini anak berperanan utama menguruskan pengaturan kehidupan warga emas dengan memberi tumpuan kepada ‘dengan siapa warga emas harus tinggal’?.

Sejak sekian lama, institusi pondok sangat dekat dengan masyarakat Melayu beragama Islam khususnya di negeri Terengganu, Kelantan dan Kedah. Di Kedah, institusi pondok muncul pada abad ke-19, kesan daripada perkembangan politik di Patani dan kemudahan pengangkutan jemaah ke Tanah Suci, Makkah (Shukri, 2011:). Kajian Maziah (1988) dalam Ahmad Kilani (2003) menegaskan bahawa kemunculan institusi pondok yang paling awal bagi negeri Tanah Melayu adalah di Kelantan. merupakan institusi agama yang paling awal Pondok merupakan rumah-rumah kecil yang didirikan khusus untuk kediaman pelajar yang merantau dari pelbagai latar belakang sosioekonomi dan tempat untuk menuntut ilmu agama. Pondok berfungsi sebagai pusat pendidikan tertua yang diasaskan oleh para ulama yang dipanggil sebagai Tok Guru. Selain pusat jagaan warga emas yang lain, pondok agama menjadi salah satu tempat tinggal yang amat sesuai untuk pengisian rohani warga emas yang beragama Islam (Sahlawati et.al, 2016). Majoriti warga emas yang lahir sekitar tahun 1960-an adalah mereka yang menerima pendidikan tidak formal dari guru agama di sekolah pondok, madrasah dan surau (Norizan Musa, 2019).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan pada tahun 2021, di Pondok Al-Huda Wakaf Tapai, Marang, Terengganu. Pemilihan kawasan kajian ini bertujuan melihat perkembangan di Pekan Wakaf Tapai dari sudut kemudahan tempat tinggal kepada warga emas wanita beragama Islam. Pondok ini ditubuhkan secara khusus untuk warga emas wanita sekaligus mendalami aspek kesejahteraan hidup warga emas. Pondok Al-Huda Wakaf Tapai, Marang Terengganu telah dibangunkan di atas tanah yang diwakafkan (seluas lebih kurang 8 ekar) oleh Allahyarmah Hjh Fatimah Bt. Hj Abdul Rahman (usia 87 tahun) yang merupakan bekas Guru Pelawat Agama yang telah berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu selama 28 tahun. Allahyarhamah Hjh Fatimah meneruskan perkhidmatannya secara sukarela untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara dengan membina Madrasah Pondok Al-Huda. Kemudahan yang sedia ada di pondok ini adalah sebuah surau, 3 blok asrama warga emas yang menempatkan seramai 25 orang penghuni, 2 bilik kuliah untuk sesi pengajaran, 5 bilik mandi dan 4 orang ustaz yang bertanggungjawab dalam memberikan ilmu di pondok Al-Huda. Pengkaji telah berjumpa dan mengadakan sesi temu bual dengan pengurus Pondok ini iaitu anak kepada Allahyarhamah, En Mohd Zaki Bin Mahmud. Jumlah warga emas yang tinggal di Pondok Al-Huda adalah seramai 20 orang yang terdiri kaum wanita sahaja. Beberapa kaedah pengumpulan data dilakukan, iaitu melibatkan:

- i. Temubual bersama pengurus Pondok Al-Huda iaitu En Mohd Zaki Bin Mahmud untuk mengetahui sejarah penubuhan institusi pondok Al-Huda dan mendapatkan maklumat mengenai latar belakang penghuni warga emas di pondok Al-Huda, pengisian jadual harian serta kemudahan yang disediakan kepada warga emas;
- ii. Temubual mendalam secara bersemuka dan berstruktur dilakukan ke atas 20 orang warga emas yang merupakan penghuni di Pondok Al-Huda. Bagi mendapatkan maklumat yang spontan bagi setiap responden, pengkaji terlebih dahulu mengingati setiap soalan dan skrip sebelum dan sepanjang temu bual berlangsung. Kamera dan rakaman video digunakan semasa kajian dijalankan, sekaligus membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang tepat semasa proses menganalisis dapatan responden yang ditemu bual dan;
- iii. Pemerhatian secara langsung turut dilakukan sepanjang proses kajian dijalankan. Kaedah ini meliputi penyertaan pengkaji bersama-sama warga emas dalam pelbagai aktiviti dan program di pondok Al-Huda. Tujuannya adalah untuk menyelami, merasai, menghayati dan melihat keadaan sebenar kehidupan warga emas yang tinggal di pondok.

Berdasarkan data dan maklumat yang diperoleh, analisis secara kualitatif dilakukan. Analisis kandungan secara manual digunakan dengan mengenal pasti tema, konsep dan makna terhadap dapatan kajian ini. Pendekatan kualitatif digunakan kerana penyelidikan ini bermatlamat untuk mendapat maklumat mendalam tentang pengalaman warga emas tinggal di pondok dan menyelami perasaan warga emas terhadap kesejahteraan hidup di pondok. Dalam hal ini, pengalaman peribadi warga emas digambarkan melalui dialog mental seperti perasaan gembira atau sedih, dan juga dari reaksi muka (Norizan & Suriati, 2018). Pengalaman mengenai persepsi diri dan merupakan maklumat berharga yang boleh ditafsirkan dalam pengertian budaya, tingkah laku, dan pengetahuan tentang harga diri (Aishah & Katiman, 2012).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden yang terdiri daripada umur, taraf pendidikan, dan latar belakang pekerjaan. Bagi komposisi umur, seramai 11 (55%) responden berumur antara 61-70 tahun, diikuti 5 (25%) responden berumur 71-80 tahun, dan masing-masing seramai 2 (10%) responden berumur 60 tahun ke bawah dan 81 ke atas. Dari segi taraf Pendidikan pula, keseluruhan responden telah mendapat pendidikan formal di sekolah, iaitu separuh daripada responden (50 peratus) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (PMR), manakala sebanyak 8 (40%) responden mempunyai UPSR dan sebanyak 2 (10%) responden mempunyai SPM.

Sejarah pekerjaan responden merupakan aspek penting yang mempengaruhi pemilihan tinggal di pondok. Dapatan menunjukkan separuh daripada responden (50 peratus) bekerja sebagai suri rumah lebih cenderung memilih tinggal di pondok. Responden memilih menjadi suri rumah kerana faktor tidak mempunyai kemahiran lain, mempunyai pendidikan yang rendah dan keputusan untuk mendidik anak di rumah. Seterusnya, seramai 40 peratus responden asalnya bekerja kampung iaitu melakukan pekerjaan secara tidak formal seperti bekerja kantin sekolah, membuat kuih-muih, buruh, menenun songket. Hanya 10 peratus responden asalnya bekerja dalam sektor kerajaan kerana mempunyai latar pendidikan yang baik.

Jadual 1: Profil demografi responden

Maklumat Demografi	Perkara	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tempat asal	Marang	8	40
	Kuala Terengganu	6	30
	Kuala Nerus	2	10
	Besut	1	5
	Setiu	1	5
	Hulu Terengganu	1	5
	Luar Dari Terengganu	1	5
Umur	Kurang dari 60 tahun	2	10
	61-70	11	55
	71-80	5	25
	81 tahun dan ke atas	2	10
Taraf Pendidikan	UPSR	8	40
	SRP/PMR	10	50
	SPM	2	10
Latar belakang pekerjaan	Kerajaan	2	10
	Kerja kampung	8	40
	Suri rumah	10	50

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

## Faktor Pendorong Pemilihan Pondok Al-Huda Sebagai Tempat Tinggal

Bahagian ini membincangkan faktor pendorong pemilihan pondok Al-Huda sebagai tempat tinggal warga emas. Terdapat beberapa faktor pendorong yang menyebabkan warga emas memilih pondok sebagai tempat tinggal. Antaranya ialah:

- i. Sokongan berbentuk jarak ketersampaian dan rangkaian maklumat;
- ii. Sokongan rangkaian maklumat (rakan, keratan akhbar, media sosial)
- iii. Sokongan sepenuhnya dari anak-anak
- iv. Kerap menyertai solat berjemaah di masjid

### Sokongan berbentuk jarak ketersampaian dan rangkaian maklumat

Dapatkan kajian menemui sokongan berbentuk jarak ketersampaian dan rangkaian maklumat merupakan faktor pendorong yang paling kuat, saling berkaitan dan mempengaruhi keinginan warga emas untuk memilih tinggal di pondok. Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden berasal dari Marang dan Kuala Terengganu iaitu masing-masing 40 peratus (8 orang) dan 30 peratus (6 orang). Hanya seorang responden berasal luar dari Terengganu.

Jadual 2: Tempat tinggal asal responden

Tempat tinggal asal	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Marang	8	40
Kuala Terengganu	6	30
Kuala Nerus	2	10
Besut	1	5
Setiu	1	5
Hulu Terengganu	1	5
Luar Dari Terengganu	1	5

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Kedudukan dua lokasi ini iaitu Marang dan Kuala Terengganu adalah berdekatan dengan pondok Al-Huda iaitu kurang dari 5km. Seumpama penemuan Hanson (1977) dan Rachmawati, Puspitasari dan Cania (2017), jarak tempat tinggal telah menjadi faktor penguat mempengaruhi perilaku, kunjungan dan keputusan ke sesuatu tempat, seperti mana keterangan Responden 1:

*“Kak Ton datang sendiri walk in untuk meninjau kawasan di Pondok Al-Huda dan kebetulan umah mak kak Ton ada di bukit payung.yang jarak dari umah ke pondok hanya mengambil masa 15 minit”.*

Berdasarkan dapatan ini, pengkaji merumuskan bahawa semakin dekat jarak tempat tinggal responden dengan institusi pondok, maka semakin besar potensi warga emas membuat keputusan untuk tinggal di pondok.

### **Sokongan rangkaian maklumat (rakan, keratan akhbar dan media sosial)**

Sokongan berbentuk rangkaian maklumat turut menjadi faktor pendorong utama keinginan responden memilih pondok agama Al-Huda sebagai tempat tinggal. Rangkaian maklumat bagi kajian ini adalah merujuk kepada maklumat dan informasi yang diperoleh daripada rakan, keratan akhbar, media sosial iaitu facebook dan *whatsapp group* dan hebahan dari surau. Miller dan Lammas (2009) menyokong penggunaan media sosial bukan sahaja sebagai trend pada masa kini malahan berfungsi sebagai alat komunikasi dan informasi berkesan daripada penggunaan internet. Keseluruhan responden dalam kajian ini yang ditemubual memiliki telefon pintar dan aktif menggunakan dengan melanggan internet prabayar. Menurut Responden 1:

*“Perancangan asal ialah sahabat makcik telefon dan meminta pertolongan untuk mencari madrasah untuk dia dan anaknya. Makcik cuba cari melalui medial sosial dan jumpa Pondok Al-Huda yang bertempat di Wakaf Tapai. Kemudian, Kak Ton terdetik untuk ikut kawan bersama-sama tinggal di pondok”.*

Berlainan dengan Responden 4, beliau tergerak hati untuk tinggal di pondok sebaik sahaja mendapat maklumat menerusi keratan akhbar. Majoriti responden mengakui bahawa mereka lebih banyak menghabiskan masa di rumah pelbagai kerja rumah seperti mencuci pakaian, mengemas rumah, mengasuh cucu. Pada waktu senggang responden menghabiskan masa dengan membaca akhbar, menonton televisyen, mendengar radio, membaca majalah dan berjalan-jalan ke rumah jiran. Hal ini berikutan kesunyian hidup tinggal bersendirian setelah kematian suami dan anak-anak keluar bekerja. Keupayaan warga emas iaitu responden dalam kajian ini melakukan aktiviti yang disukai disokong oleh keterangan Mori et al., (2017) yang mendapati aktiviti dan hobi yang digemari telah menjadi kaedah daya tindak yang berkesan untuk mengurangkan dan melupakan masalah yang membekalkan fikiran seperti ketakutan dan kesunyian semasa berada di rumah.

### **Tekad dan Sokongan sepenuhnya dari anak-anak**

Keseluruhan responden yang datang ke pondok Al-Huda mempunyai tujuan yang sama iaitu mencari ilmu akhirat. Pada usia yang sudah sampai ke hujungnya responden memasang tekad untuk belajar ilmu agama, mendalami ilmu dan meningkatkan ketakwaan sebagai persiapan untuk menghadap Allah. Pondok Al-Huda dibangunkan dengan matlamat untuk memberi pengajaran atau latihan kerohanian kepada warga emas yang ingin belajar dalam ilmu fardu ain dan mengaji Al Quran. Dengan adanya pondok ini, anak-anak menghantar ibu bapa mereka untuk mengisi masa lapang daripada tinggal keseorangan di rumah. Manfaatnya ialah warga emas dapat meningkatkan ilmu keagamaan di samping menolak persepsi negatif orang ramai tentang pondok keagamaan ini. Masyarakat sering mengaggap warga emas yang tinggal di pondok Al-Huda adalah warga emas

yang tiada penjagaan dan mengalami masalah pengabaian daripada anak-anak mereka. Persepsi masyarakat ini disokong oleh kajian Norizan & Suriati (2021) tentang agama dan budaya amat mempengaruhi pemikiran dan pegangan hidup masyarakat Melayu khususnya dalam konteks warga emas.

Kajian menemui keseluruhan warga emas yang datang ke pondok ini bukan secara paksa dari mana-mana pihak sebaliknya warga emas sendiri yang membuat tekad dan pilihan awal untuk tinggal di pondok, kemudian mencapai keputusan persetujuan bersama dengan anak-anak mereka untuk pergi dan tinggal di pondok, bagi tujuan mendalamai ilmu keagamaan. Dapatan kajian ini menunjukkan warga emas mempunyai keupayaan dalam membuat keputusan sendiri. Hal ini disokong oleh kajian Sakanashi & Fujita (2017) yang mendapati warga emas yang mampu membuat keputusan tentang sesuatu perkara memiliki kawalan positif terhadap minda dan badan, memupuk sikap positif, dan proaktif untuk memahami peranan anak sebagai penjaga.

Selain itu, 90 peratus warga emas menerima sokongan sepenuhnya daripada anak-anak dari segi sokongan berbentuk kewangan. Sokongan kewangan menyebabkan responden tidak mengalami masalah untuk membiayai kos yuran sepanjang tinggal di pondok Al-Huda. Menurut Responden 5:

*“pada mak cik. Semua yuran tinggal di pondok anak yang bayarkan.” Anak-anak yang bekerja banyak memberi bantuan duit bulan-bulan”*

Responden 16 pula tinggal selama 3 bulan di pondok Al-Huda, berkongsi pengalaman dan perasaan ketika awal berjauhan dengan keluarga. Menurut beliau, sokongan daripada keluarga dan rakan – rakan yang tinggal di pondok telah menjadi penguat kepada dirinya untuk tinggal di pondok dan mendalamai ilmu agama. Mendiami pondok bersama pelbagai latar belakang kenalan warga emas dapat menghilangkan perasaan kesunyian. Tambahan, di Pondok Al-Huda warga emas kerap berkongsi cerita, perasaan sepanjang menjadi penghuni pondok dan mengikuti sesi pembelajaran bersama-sama rakan-rakan. Kebiasaan responden kerap meluahkan perasaan bersama mengenai karenah cucu masing-masing dan perasaan rindu kepada anak-anak dan cucu yang berjauhan.

*“Saya sangat seronok dan ini dapat memenuhi masa kekosongan saya sepanjang berada di sini. Bersama penghuni yang lain dan dapat bertukar pendapat baik dari segi ilmu agama mahupun harian biasa”.*

Dapatan ini disokong oleh Cunningham & Barbee (2000) yang mendapati warga emas yang mempunyai anak dan ahli keluarga lebih menerima sokongan sosial yang lebih banyak berbanding warga emas yang menguruskan kehidupan seorang diri akibat tidak berkahwin dan tiada anak. Kos untuk masuk ke pondok Al-Huda tidak membebankan warga emas di sini. Bayaran yuran adalah sebanyak RM150 sebulan, merangkumi kemudahan tempat tinggal (asrama), kelas pembelajaran dan kos makan dan minum sangatlah murah jika dibandingkan dengan Pusat Warga emas di ibu kota. Tambahan, persekitaran yang sentiasa tenang dan tidak ada gangguan daripada orang luar meyakinkan responden untuk menyarankan warga emas di luar sana supaya datang ke Pondok Al-Huda.

Warga emas yang datang ke pondok ini lebih menjurus kepada amalan kerohanian di dalam diri kerana majoriti responden yang ditemubual mengatakan bahawa kehadiran mereka di pondok bukan disebabkan oleh anak-anak mahupun keluarga lain tetapi lebih kepada kerelaan diri sendiri. Kesedaran di dalam diri sendiri dalam mengejar ilm akhirat telah menyebabkan mereka tinggalkan semua perkara kerana ingin mengisi kekosongan di dalam diri ini dalam mencari berkat ilmu ALLAH SWT. Seterusnya, aktiviti yang dijalankan di pondok ini turut menarik minat warga emas untuk menetap di sini. Program keagamaan yang padat dan pengisian waktu lapang dapat memberi mereka keseronokan dalam beribadat kepada ALLAH SWT. Majoriti warga emas di sini semuanya sihat dan masih boleh bergerak dengan sendirinya , mereka tidak ada masalah untuk menjalankan aktiviti bergotong-royong dan memasak bersama rakan-rakan yang lain. Dengan adanya pelbagai program seperti ini warga emas ini tidak akan merasa kesunyian di samping mencari ilmu keagamaan mereka dapat mengeratkan hubungan persaudaraan antara satu sama lain.

### **Kerap menyertai solat berjemaah di masjid dan surau**

Keseluruhan warga emas yang ditemubual mempunyai sejarah kerap berkunjung ke masjid dan surau berdekatan tempat tinggal mereka. Tujuan utama warga emas ke masjid dan surau adalah untuk solat berjemaah, menyertai kumpulan usrah dengan rakan-rakan dan jiran tetangga, mengaji al-Quran serta menyertai aktiviti gotong royong. Keseluruhan responden kajian ini berharap agar rumah mereka sentiasa mendengar laungan azan setiap kali masuknya waktu solat fardhu. Menurut Responden 7:

*“Makcik selalu jalan kaki dari rumah untuk solat berjemaah di masjid. Ada satu ketika, imam masjid ada maklum pasal pondok al-Huda. Makcik memang dah lama nak cari pondok”.*

Warga emas mempunyai minat dan keinginan untuk tinggal di pondok bagi meningkatkan disiplin diri khususnya untuk menunaikan solat berjemaah. Keputusan tinggal di pondok membolehkan warga emas lebih peka dengan jadual dan rutin solat berjemaah dengan mendirikan solat awal waktu.

### **Kesejahteraan hidup warga emas tinggal di pondok**

Kajian menemui terdapat hubungan yang positif antara pemilihan warga emas tinggal di pondok dengan kesejahteraan hidup mereka. Kesejahteraan hidup dalam konteks kajian ini diukur menerusi perasaan yang dirasai oleh responden sepanjang pengalaman mereka tinggal di Pondok Al-Huda. Tempoh masa responden tinggal di pondok adalah 3 bulan dan ke atas. Keseluruhan responden yang ditemubual menzahirkan perasaan sangat seronok, teruja, tenteram dan tenang (dari segi emosi, rohani dan fizikal). Kesejahteraan warga emas diperoleh menerusi tiga aspek utama iaitu (1) pengisian kerohanian yang bermanfaat dan bermakna; (2) bertukar pendapat bersama penghuni; dan (3) jaminan keselamatan sepanjang tinggal di pondok.

Dari aspek pengisian kerohanian yang bermanfaat dan bermakna, keseluruhan responden menceritakan bahawa suasana di pondok Al-Huda sangat tenang dan kawasan pembelajaran yang teratur menyebabkan warga emas ini gembira dan tidak berasa bosan ketika berada di pondok.

Pondok Al-Huda menyediakan pembelajaran setiap hari kepada penghuni meliputi kelas al-Quran, Usrah, ilmu fardhu ain dan kifayah serta mempelajari hukum yang berkaitan dengan tajwid (rujuk Foto 1). Tenaga pengajarnya adalah ustaz yang berpengalaman berkhidmat di Pejabat Agama Daerah Marang. Dapatan ini dibuktikan menerusi temubual secara mendalam bersama Responden 3, iaitu:

*“Sepanjang 7 bulan berada di sini, masa yang terisi sangat bermakna kerana saya dapat mengikuti kelas Al-Quran dan Usrah daripada Ustaz setiap hari. Disamping itu, saya dapat belajar ilmu fardhu ain dan kifayah serta hukum tajwid yang diajar oleh Ustaz yang berada di Pondok Al-Huda. Bersama penghuni yang lain dan dapat bertukar pendapat baik dari segi ilmu agama mahupun harian biasa. Saya sangat seronok dan ini dapat memenuhi masa kekosongan saya sepanjang berada di sini”.*

Gambar 1: Responden menyertai aktiviti mengaji dan usrah secara berjemaah dan ia dibimbing oleh Ustaz



Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Pengkaji turut mendapatkan respons daripada responden mengenai keberkesanan modul pengajaran dan pembelajaran agama di Pondok Al-Huda. Keseluruhan responden berpandangan bahawa teknik pengajaran dan modul yang diberikan kepada warga emas adalah sangat mudah difahami dan diamalkan, seumpama keterangan Responden 2 iaitu:

*“modul dan tenaga pengajar oleh Ustaz yang mengajar di pondok sangat bagus dan mendapat kelulusan daripda Pejabat Agama Daerah Marang. Teknik pengajaran dan modul diberikan sangat mudah untuk warga emas faham dan amalkan”.*

Daripada aspek jadual masa yang disediakan di pondok Al-Huda, keseluruhan masa warga emas terisi dengan mengikuti solat berjemaah, mengaji beramai-ramai dan mengikuti kelas ilmu agama. Selain itu, masa terluang iaitu pada setiap hari Sabtu dimanfaatkan secara bersama-sama penghuni warga emas yang lain dengan aktiviti gotong royong dan pelbagai aktiviti riadah seperti bercucuk tanam dan bersenam. Pada waktu makan pula, warga emas akan berkumpul untuk menyiapkan makanan baik pagi mahupun petang (Rujuk Gambar 2). Rutin harian ini berlanjut sepanjang hari dari Ahad sehingga Jumaat. Pada hari Sabtu, warga emas menyertai aktiviti bergotong-royong secara bersama-sama.

Gambar 2: Pengkaji bersama responden yang berkumpul di kantin untuk menjamu selera



Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual yang padat dengan pelbagai aktiviti bermanfaat memberi kesihatan terhadap akal fikiran dan emosi warga emas, selain mendidik diri warga emas ke arah disiplin dan jati diri yang positif. Menurut Responden 11:

*“Program yang diikuti di pondok pada setiap hari sentiasa padat dan mengikut jadual. Keadaan ini menyebabkan responden tidak mempunyai masa untuk melayan emosi negatif seperti sunyi, sedih dan kecewa. Aturan dan peraturan ketika berada di pondok menjadikan responden seronok dan berdisiplin kerana waktu yang tepat dan sentiasa mengikuti jadual program menjadikan warga emas ini seronok untuk berada di sini”.*(Responden 11).

Menurut Responden 19 yang menetap selama 6 bulan di pondok Al-Huda, suasana yang tenang dan damai di pondok telah menghilangkan masalah kesunyian yang dihadapi sebelum ini kerana setiap hari dirinya sentiasa merasa dekat dengan Allah. Program tadarus dan solat secara berjemaah memberi kesan positif terhadap kesihatan mental warga emas. Berdasarkan hasil kajian, keseronokan tinggal di pondok dengan pelbagai pengisian masa yang bermakna menyebabkan warga emas tidak jemu untuk berada dan tinggal di pondok.

Selain itu, persekitaran yang bersih serta kemudahan yang selesa di Pondok Al-Huda adalah satu tarikan kepada warga emas untuk tinggal di situ. Asrama yang disediakan lengkap dengan bilik air dan bilik tidur yang selesa. Kawasan sekitarnya pula dikelilingi hutan hijau dan bukit bukau memberikan ketenangan kepada responden untuk mengikuti sesi pembelajaran tanpa gangguan. Keseluruhan responden amat berpuas hati tinggal di pondok sehingga mereka menyarankan warga emas di luar sana datang ke Pondok Al-Huda kerana jarak bilik belajar dengan asrama sangat dekat dan tidak membebankan kepada warga emas yang lain. Berdasarkan pengalaman Responden 1, usia tua sememangnya sesuai tinggal di pondok khususnya setelah kematian suami dan anak-anak bekerja menyebabkan dirinya sentiasa mencari-cari pusat pembelajaran agama yang sesuai untuk mereka huni.

Pondok Al-Huda mempunyai Pengawal Keselamatan yang sentiasa mengawal selia pergerakan keluar dan masuk asrama. Kawalan keselamatan yang ketat telah meyakinkan responden untuk tinggal di situ. Pondok Al-Huda kerap membuat pemantauan dan menjalankan pemeriksaan kesihatan setiap penghuni dan ia diakui oleh Responden 9:

*“Sepanjang berada di pondok, pihak pengurusan selalu datang memantau kami semua dengan memeriksa kesihatan, kemajuan dalam mengikuti kelas agama dan selalu bertanya soal keperluan kami”.*

Pondok Al-Huda kerap mengadakan aktiviti tahunan dan bulanan seperti Hari Keluarga, tahlil dan ceramah agama. Polis dan Bomba dijemput memberi ceramah tentang jenayah terhadap warga emas sekaligus memberikan pendedahan kepada warga emas untuk menjaga keselamatan diri dan tidak takut untuk ketika berada jauh dari keluarga. Persekitaran yang selamat, bersih dan selesa merupakan aspek yang amat mempengaruhi kesejahteraan hidup warga emas.

## KESIMPULAN

Berdasarkan temubual mendalam, tinjauan dan pemerhatian ikut serta terhadap keseluruhan aspek, penempatan untuk warga emas di Pondok Al-Huda terbukti sangat selesa dan kawasan sekitarnya

memang jauh dari pekan bandar, namun keluasan dan bilangan bilik yang terhad mendatangkan masalah pada masa akan datang untuk menampung penghuni yang baru. Pondok Al-Huda ini dijangkakan akan menjadi tumpuan warga emas di Malaysia kerana keunikan tempatnya di pendalaman, dikelilingi hutan serta tenang untuk mereka beribadat. Menurut Pengurus Pondok Al-Huda, penamaian dari segi tempat tinggal dan bahan-bahan mengajar yang baru amat diperlukan bagi memberi keselesaan dan kefahaman yang baik kepada penghuni warga emas di pondok Justeru itu, sumbangan daripada NGO dan orang ramai amat diperlukan dalam membantu menaiktarafkan pembangunan dan prasarana di Pondok Al-Huda ini. Dari segi aktiviti, pelaksanaan pengajaran dan pengurusan di Pondok Al-Huda, dicadangkan agar dinaiktaraf seperti menambahkan bilangan tenaga pengajar serta aktiviti yang lebih menjurus kepada keagamaan. Seterusnya kesedaran terhadap perspektif masyarakat awam berkaitan pondok sebagai tempat tinggal haruslah dilihat dari sudut yang positif khususnya dari aspek penjagaan warga emas Melayu Islam.

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia kerana telah membiayai penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek (304/PJJAUH/6315265).

## RUJUKAN

- Ahmad Kilani Mohamed. (2003). *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Aishah@Eshah,M&Katiman, R. (2012). Warga emas Melayu di pinggir Wilayah Metropolitan, Selangor: Pengalaman dan persepsi tentang diri. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6), 1-14.
- Cunningham, M. R., & Barbee, A. P. (2000). Social Support. In C. Hendrick, And S. S. Hendrick, *Close Relationships: A Sourcebook*, Thousand Oaks: CA: Sage.
- Hanson, P. 1977. The Activity Patterns of Elderly Households. *Geografiska Annaler: Series B Human Geography*, 59(2). Hal: 109-124. <https://doi.org/10.1080/04353684.1977.11879425>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). *Portal Rasmi: Warga Emas*. Jabatan Kebajikan Masyarakat: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEpUUXV3THFURkZETmxW> .Dilayari pada 15 Jun 2022.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (23 Julai 2019). *Siaran Akhbar Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2017-2019*.<https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=Zy9GZE8wQk5sTE5aVULOTFdDM0tNZz09>. Dilayari pada 12 Jun 2022.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2000). *Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia.(2021). *Laporan Perangkaan Demografi Malaysia, Suku Tahun Pertama 2021*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perkhidmatan Awam.(2022). *Portal Rasmi Bahagian Pencen: Apakah Takrifan Warga emas di Malaysia?* [http://www.ipapencen.gov.my/takrifan\\_warga\\_tua.html](http://www.ipapencen.gov.my/takrifan_warga_tua.html), dicapai pada 17 Jun 2022.

- Khadijah Alavi dan Rahim Md Sail. (2010). Peranan wanita Melayu dalam proses penjagaan ibu bapa tua: Dilema dan cabaran dalam era globalisasi. *Kajian Malaysia*, 28(2), 71-105.
- Marlini Sahul Hamid. (2020). *News Letter: Evolusi Penduduk Malaysia. Kuala Lumpur: Banci Penduduk dan Perumahan*, DOSM/BPPD/5.2020/Siri 63.  
[https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPPD\\_5-2020\\_Siri-63.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_5-2020_Siri-63.pdf), Dilayari pada 12 Jun 2022.
- Miller, R. dan Lammas, N. (2009). Social Media and its Implication for Viral Marketing. *Asia Pacific Public Relation Journal*, vol 11, pp. 1-9.
- Mori,K., Kaiho,Y., Tomata, Y., Narita,M., Tanji,F., Sugiyama, K., Sugawara,Y., Tsuji, I. (2017). Sense of life worth living (ikigai) and incident functional disability in elderly Japanese: The Tsurugaya Project. *Journal of Psychosomatic Research*, 95(2017): 62-67.
- Nik Norliati Fitri Md Nor. (2018). Trend Penuaan Penduduk: Satu Sorotan Karya. *Journal of Social Science and Humanities*, 13(2): 116-130.
- Nik Norliati Fitri Md Nor. (2016). *Pengaturan Kehidupan Dan Penjagaan Kesihatan Warga emas Melayu Di Daerah Jerantut, Pahang*. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Noornajihan Jaafar, Rezki Perdani Sawai, Shah Rizul Izyan, Celal Akar. Kesunyian dalam kalangan warga emas: Praktik Semasa dan solusi dari risalah an. *Al-Hikmah International Journal for Islamic Studies & Human Sciences*, 4( 3), <https://doi.org/10.46722/hkmh.4>.
- Norizan Musa. (2019). *Analisis Perjalanan Agama dalam kalangan warga emas Melayu Kelantan*. Tesis Ph.D, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Norizan Musa dan Suriati Ghazali. (2021). Peranan dan Sokongan anak membantu ibu bapa mengerjakan ibadah haji dalam kalangan keluarga melayu Islam di kelantan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(2), 159-180.
- Norizan Musa dan Suriati Ghazali. (2019). Financial Support for Pilgrimage and its Impact to the Well-Being of the Elderly in Kelantan. *Geografi*, 6(2), 21-28.
- Nor Raudah Siren. (2015). Psikologi dan Penerimaan Warga Emas di Kompleks Warga Emas al-Jenderami. *Jurnal Usuludin, Januari- Jun 2015*, 73-79. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Rachmawat, A. 1., Puspitasari, R.D., & Cania, E. (2017). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kunjungan Antenatal Care (Anc) Ibu Hamil. *Medical Journal of Lampung University*, 7(1), Hal: 72-76.
- Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak dan Safinah Ismail. (2016). Faktor Pemilihan Pondok Oleh Warga Emas: Kajian Di Pondok Yayasan Al-Jenderami, Selangor Dan Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan. *Jurnal Pengajian Islam*, 9(II), 1-23.
- Sakanashi, S. dan Fujita, K. (2017). Empowerment of family caregivers of adults and elderly persons: A concept analysis. *International Journal of Nursing Practice*, 23(5), <https://doi.org/10.1111/ijn.12573>
- Shukri Ahmad. (2011). *Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke-20*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Velkoff, V. A (2001). *Living arrangements and well-being of the older population: Future research directions*.[https://www.un.org/development/desa/pd/sites/www.un.org.development.desa.pd/files/unpdegm\\_200002velkoff.pdf](https://www.un.org/development/desa/pd/sites/www.un.org.development.desa.pd/files/unpdegm_200002velkoff.pdf), Dilayari pada 12 Jun 2022.
- Suridah Ali & Rahimah Abdul Aziz. (2018). Penjagaan Tidak Formal Warga emas: Antara Tanggungjawab Dan Beban. *Journal of Social Science and Humanities*, 13(13): 183-195.
- Usman Haji Yaakob. (2006). The Malaysian Census 2000: Characteristics and Critical Issues. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 79(1):27-42.

Volkert,D., Heseker, K.K., & Stehle, P. (2004). Energy and nutrient intake of young-old, old-old and very-old elderly in Germany. *European Journal of Clinical Nutrition*, volume 58: 1190–1200.  
<https://www.nature.com/articles/1601950>, dicapai pada 15 Jun 2022.

World Population. (1974). *The Population of Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysia Census .

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **AHMAD FAIZAL YUSOFF**

Pelajar

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Minden, Pulau Pinang  
faizalyusoff18@gmail.com

### **NIK NORLIATI FITRI MD NOR (PENGARANG KORESPONDEN)**

Pensyarah Universiti  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Minden, Pulau Pinang  
nikfitri@usm.my

### **NORIZAN MUSA**

Pensyarah sambilan  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Minden, Pulau Pinang  
norizan.m@usm.my

### **SITI MASAYU ROSLIAH ABDUL RASHID**

Pensyarah Universiti  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Minden, Pulau Pinang  
masayurashid@usm.my